

# Hartanah: PM mahu bumiputera belajar

UM - 4 JUL 2000  
Oleh ZULKIFLI JALIL

POH 3 Julai — Kerajaan sedia membantu bumiputera mengurangkan jurang kekayaan dalam pemilikan hartanah dengan kaum lain tetapi mereka juga harus belajar menguruskan kewangan dan kekayaan masing-masing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, jika ini tidak dipelajari, maka bumiputera tidak akan mengetahui kaedah menguruskan harta dan akhirnya kekayaan itu akan hilang.

"Kita boleh membantu tetapi orang yang dibantu itu mestilah faham betapa pentingnya mereka belajar menguruskan kewangan dan kekayaan mereka," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini, hari ini.

Beliau mengulas jurang perkongsian kekayaan yang luas antara kaum kerana bumiputera hanya menguasai kurang 10 peratus atau 16,185 unit daripada 161,850 unit hartanah komersial di seluruh negara.

Laporan khas *Utusan* mendapati meskipun tanpa kajian menyeluruh dan terperinci, hakikat itu dapat dilihat dengan jelas melalui laporan-laporan hartanah persendirian dan korporat. [Lihat Laporan Khas di muka 20]

Berdasarkan beberapa temu bual di Kuala Lumpur sahaja, bumiputera hanya memiliki 322 unit atau 2 peratus daripada 16,078 unit hartanah komersial yang meliputi ruang pejabat dan rumah kedai pada tahun lalu.

## Pemilikan

Misalnya, menurut firma penilai hartanah, Rahim & Co Sdn. Bhd. (Rahim & Co.), daripada 15 buah kompleks membeli-belah di Kuala Lumpur, hanya sejumlah 138 ruang perniagaan dimiliki oleh bumiputera.

Tinjauan di kompleks-kompleks membeli-belah di ibu negara seperti di Imbi Plaza, Kota Raya, Lot 10 dan OUG Plaza mendapati penyer-taan bumiputera tiada langsung.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri berkata, punca bumiputera ter-

tinggal jauh dalam pemilikan hartanah berbanding kaum lain disebabkan mereka miskin dan tidak boleh membangunkan tanah kerana sekatan tertentu seperti tanah simpanan Melayu.

"Sebab itu mereka tidak dapat. Kalau nak bangun pun, satu kaki persegi tanah dalam bandar sama dengan setengah ekar (0.4 hektar) tanah di luar bandar.

"Kalau dia ada miliki tanah yang luas (pun) di luar bandar, dari segi nilai dia kurang tetapi kalau tanah di luar bandar itu dapat dibangunkan menjadi satu bandar, maka nilainya akan naik," katanya.

Sambil mengambil contoh pembangunan tanah di Langkawi beliau berkata, nilai harta bumiputera di pulau itu telah meningkat.

"Kalau dulu dia beli satu ekar dengan harga RM1,000, sekarang satu ekar mencecah antara RM250,000 dan RM500,000," katanya.

Beliau menambah, keadaan serupa di Langkawi kini berlaku di Sepang dan Kajang.